

## ***MALAYSIA URBAN OBSERVATORY (MUO)***

Malaysia Urban Observatory (MUO) merupakan sebuah platform perkongsian data dan maklumat perbandaran di antara agensi-agensi dan berfungsi sebagai platform perkongsian maklumat awam dan sokongan membuat keputusan. Bab ini akan menerangkan fungsi, matlamat, objektif, komponen utama dan rekabentuk MUO serta memperincikan kajian kes Kajian Pembangunan MUO bagi lima bandar utama.

### **4.1 Definisi MUO**

Rancangan Fizikal Negara Ke-3 telah menggariskan MUO sebagai pusat data, rujukan, pemantauan dan pelaporan nasional yang akan memantau tahap kesejahteraan dan kemampuan bandar-bandar di Malaysia melalui aspek sosial, perbandaran, ekonomi dan alam sekitar.

MUO akan berperanan sebagai :-



17

MUO akan menghasilkan *output* berasaskan bukti seperti sokongan membuat keputusan, analisis ramalan, simulasi senario bandar, pemantauan indikator nasional dan tempatan serta perbandingan maklumat bandar. MUO juga akan membentuk perkongsian maklumat awam dalam bentuk data *dashboard* (GIS dan visualisasi data), info bandar (*story maps*, peluang perniagaan dan komuniti) dan pembangunan aplikasi dalam penggunaan data.

## 4.2 Matlamat dan Objektif MUO

Matlamat dan objektif penubuhan MUO adalah seperti berikut:




### 4.3 Fungsi MUO

Terdapat lima fungsi utama MUO yang dikenalpasti iaitu:

- i. **Pusat Data**  
MUO akan berfungsi sebagai pusat untuk mengumpul, menganalisis dan berkongsi data dan maklumat.
- ii. **Pusat Pemantauan dan Penilaian**  
MUO akan menjadi alat dalam memantau kemajuan Malaysia dalam melaksanakan *Sustainable Development Goal*, *New Urban Agenda*, Rancangan Pemajuan Nasional, keadaan bandar dan tren perbandaran.
- iii. **Perkhidmatan Teknikal**  
MUO akan menawarkan perkhidmatan teknikal dan khidmat nasihat perbandaran yang akan membantu memantau program dan menyediakan kapasiti membina dalam melaksanakan dasar di peringkat nasional, negeri dan tempatan.
- iv. **Hub Analisis Data**  
MUO akan menjadi hub analisis dan seterusnya akan menjadi sokongan membuat keputusan berasaskan bukti untuk perancangan dan pemantauan bandar.
- v. **Hub Pengetahuan**  
MUO akan dapat meningkatkan asas pengetahuan bandar di seluruh Malaysia berdasarkan paparan maklumat yang interaktif bagi tujuan pelaporan dan perkongsian maklumat dengan orang awam.

Rajah 4.1: Peranan MUO



#### 4.4 Kajian Kes bagi Lima Bandar Utama

Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) telah menyenaraikan sebanyak 283 bandar di Semenanjung Malaysia (Rujuk **Rajah 4.2**). Kajian Pembangunan MUO telah memilih lima (5) bandar iaitu **Bandaraya Kuala Lumpur, Shah Alam, Johor, Ipoh** dan **George Town** sebagai kawasan kajian kes bagi Kajian Pembangunan MUO (**Jadual 4.1**). Pemilihan bandar ini adalah berdasarkan hierarki bandar dalam Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3), Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) dan ketersediaan data serta pengalaman pihak agensi kerajaan dalam mengurus sistem yang sedia ada di lima bandar ini.


**Jadual 4.1:** Matriks dalam Penentuan Kawasan Kajian Kes

Hierarki Bandar	Bandar	RFN3	DPN2	Kesediaan Sistem Pangkalan Data	Nama Sistem	Pemilihan Bandar
Bandar Global	Kuala Lumpur	✔	✔	✔	CPS, KULSIS	✔
Bandar Wilayah	George Town	✔	✔	✔	PEGIS	✔
	Bandaraya Ipoh	✔	✔	✔	Perak GIS	✔
	Johor Bahru	✔	✔	✔	IMUO	✔
	Kuantan		✔			
Bandar Negeri	Kangar		✔			
	Bandaraya Alor Setar		✔			
	Shah Alam	✔	✔	✔	SMART Selangor	✔
	Seremban		✔	✔	GIS9	
	Bandaraya Melaka Bersejarah		✔			
	Kuala Terengganu		✔			
	Kota Bahru		✔			

Nota:

- ✔ **RFN Ke-3** : Bandar-bandar dalam Zon Pertumbuhan Konurbasi
- ✔ **DPN2** : Bandar-bandar dalam hierarki bandar global, bandar wilayah dan bandar negeri
- ✔ **Kesediaan Sistem Pangkalan Data** : Bandar-bandar yang telah dilengkapi dengan sistem pangkalan data GIS.

Rajah 4.2: Taburan bandar di dalam Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)



## A. Bandaraya Kuala Lumpur

### i. Maklumat Bandar

Bandaraya Kuala Lumpur memainkan peranan penting dalam Kajian Pembangunan *Malaysia Urban Observatory* (MUO) kerana ia merupakan ibu negara bagi Malaysia. Dalam Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) telah mengenalpasti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan Konurbasi Nasional. Bandaraya Kuala Lumpur telah dikenalpasti sebagai Metropolitan di peringkat *United Nation* mengukuhkan lagi pemilihan Bandaraya Kuala Lumpur dalam kajian ini.



KUALA LUMPUR

#### Rancangan Pemajuan: Kuala Lumpur City Plan 2020

<b>Visi</b>	Ke Arah Bandaraya Bertaraf Dunia
<b>Matlamat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempertingkatkan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat komersial dan kewangan antarabangsa</li> <li>ii. Mewujudkan satu struktur bandar raya yang efisien dan saksama</li> <li>iii. Mempertingkatkan persekitaran hidup</li> <li>iv. Membentuk satu identiti dan imej bandar raya yang tersendiri</li> <li>v. Mempunyai urus tadbir cekap dan berkesan</li> </ul>
<b>Isu Utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem pengangkutan yang kurang baik</li> <li>ii. Isu rebakan guna tanah bandar ke pinggir bandar</li> <li>iii. Kekurangan elemen bandar selamat</li> <li>iv. Tahap pengangguran yang tinggi dalam bandar</li> <li>v. Kurang kualiti persekitaran bandar dan kehidupan bandar</li> <li>vi. Kurang dalam penggunaan ICT</li> <li>vii. Akses kepada kemudahan awam dan komuniti yang terhad</li> <li>viii. Kurang dalam proses membuat keputusan (<i>decision-making</i>)</li> <li>ix. Kekurangan penglibatan NGO dalam mengurus kemudahan komuniti</li> </ul>

ii. Sistem


Maklumat Asas Kesediaan Pengguna

Agensi	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
Sistem Semasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>City Planning System (CPS)</li> <li>KL Slope Information System (KULSIS)</li> </ul>
Latar Belakang	Mengaplikasikan sistem guna sama menerusi perkongsian jabatan dalaman DBKL dan pengoptimuman sumber bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan memastikan pencapaian <i>outcome</i> yang lebih berkesan dan efektif
Perkakasan	<i>Server, personal computer, drone</i>
Perisian	ESRI dan MapINFO
Rangkaian & Keselamatan	DBKL
Kesediaan Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guna Tanah PBRKL2020</li> <li>Guna Tanah semasa</li> </ul>
Kaedah Perkongsian Data	Pertukaran data manual
Kemahiran & Sumber Manusia	40 orang – GIS (Jabatan Perancangan Bandaraya)
Isu & Cabaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkongsian pintar</li> <li>Big Data analytical</li> </ul>

Sumber: Kajian Pembangunan MUO, 2019

a. City Planning System (CPS)

City Planning System atau dikenali sebagai CPS, adalah sistem *online map service* yang dibangunkan oleh Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB), DBKL untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. CPS memudahkan pemilik hartanah, pemaju dan komuniti termasuklah stakeholders mengakses maklumat Kawalan Pembangunan yang berkaitan dengan keperluan permohonan perancangan di Kuala Lumpur secara online melalui paparan peta geospasial. Bagi pengguna dalaman DBKL, CPS dilengkapi dengan fungsi pemantauan pencapaian pelan pembangunan Kuala Lumpur yang membantu DBKL membuat keputusan perancangan bagi mengawal selia guna tanah dan pematuhan dasar seiring dengan pertumbuhan Kuala Lumpur secara mampan.



Rajah 4.3: Antara Muka City Planning System (CPS)

**b. Kuala Lumpur Slope Information System (KULSIS)**

Kuala Lumpur *Slope Information System* (KULSIS) adalah sistem aplikasi berasaskan web yang dibangunkan oleh Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) bersama Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB), Unit Cerun di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKAPB) dan Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF), yang digunakan bagi tujuan kawalan pembangunan dan penyelenggaraan cerun. Sistem ini digunakan untuk mengemaskini data cerun dan data-data pembangunan termasuklah mengenalpasti jumlah dan lokasi kawasan cerun yang bahaya dan berisiko dalam kawasan Kuala Lumpur. Sistem ini mempunyai simpanan data cerun yang lengkap, data pembangunan semasa dan data guna tanah terkini dilengkapi dengan Terrestrial Laser Scanning (TLS), *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) dan Paparan 3D. KULSIS dapat memudahkan pegawai untuk menyemak dan mengemaskini data serta menyediakan maklumat untuk paparan mesyuarat. Pelbagai impak positif telah dapat dilihat melalui penggunaan KULSIS sejak tahun 2017 terutamanya dalam memudahkan proses kelulusan pembangunan, kerja tanah, kerja-kerja pembaikpulihan cerun dan lain-lain.



Rajah 4.4: Antara Muka Kuala Lumpur Slope Information System (KULSIS)

B. Shah Alam, Selangor

SHAH ALAM

i. Maklumat Bandar

Bandar Shah Alam adalah bandar terancang pertama di Malaysia setelah merdeka dan merupakan ibu negeri Selangor. Kawasan perumahan yang terancang dibangunkan mengikut seksyen tertentu dan mempunyai pusat perkhidmatan yang tersendiri. Pemilihan Bandaraya Shah Alam sebagai perbandaran pesat serta mempunyai kapasiti untuk membina pusat observatori kerana terdapatnya interaktif peta seperti SISMAPs dan SMART Selangor.



**KELUASAN**  
8,463.96 hektar

**FUNGSI**  
Ibu Negeri bagi Negeri Selangor

**HIERARKI BANDAR**

<b>Bandar Negeri</b> Dasar Perbandaran Negara Kedua	<b>Konurbasi Nasional</b> Rancangan Fizikal Negara Ke-3
-----------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------

Rancangan Pemajuan: Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2020

Visi	Bandaraya Bestari Majlis Bandaraya Shah Alam
<b>Matlamat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mewujudkan Shah Alam sebagai sebuah bandaraya yang bersih, indah, ceria dan selamat.</li> <li>ii. Memastikan perancangan dan pembangunan yang teratur dan terkawal selaras dengan pembangunan mampan bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang pelabur/peniaga dalam dan luar negeri.</li> <li>iii. Memastikan budaya penyelenggaraan yang efektif dan konsisten.</li> <li>iv. Mewujudkan bandar raya sejahtera.</li> <li>v. Meningkatkan pembangunan kemasyarakatan seimbang dengan pembangunan fizikal.</li> <li>vi. Memelihara dan memulihara alam sekitar untuk kesejahteraan dan kesejahteraan warga Shah Alam dan generasi masa hadapan.</li> <li>vii. Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan industri, perdagangan dan pelancongan.</li> <li>viii. Menjadikan Shah Alam pusat pembangunan dan kecemerlangan ilmu pendidikan.</li> <li>ix. Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa bagi OKU dan warga emas.</li> <li>x. Tadbir urus yang cekap, berintegriti dan berhemah.</li> <li>xi. Memastikan warga kerja yang kompeten, komited dan berintegriti.</li> <li>xii. Mengutamakan pelanggan dalam memberi perkhidmatan yang cekap, tepat, telus dan berkesan secara berterusan.</li> <li>xiii. Membudayakan penggunaan teknologi maklumat dalam semua urusan perkhidmatan.</li> <li>xiv. Menguatkuasakan peraturan dan undang-undang secara berhemah dan profesional.</li> </ul>
<b>Isu Utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kadar pertumbuhan yang kurang pesat berbanding daerah bersempadan</li> <li>ii. Masalah kesesakan lalu lintas</li> <li>iii. Kurang penawaran produk pelancongan</li> <li>iv. Terdapat kawasan perindustrian haram</li> </ul>

ii. Sistem

Maklumat Asas Kesediaan Pengguna

Agensi	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Menteri Besar Selangor Incorporated
Sistem Semasa	-	SMART Selangor
Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadi pusat maklumat GIS MBSA</li> </ul>	Inisiatif oleh Kerajaan Negeri Selangor bertujuan memanfaatkan penyelesaian Internet of Things (IoT) dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat, sejajar dengan gelombang perbandaran dan merealisasikan wawasannya untuk menjadikan Selangor sebuah negeri pintar bertaraf dunia.
Perkakasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Personal computer</li> <li>Server</li> </ul>	Tiada Maklumat
Perisian	<ul style="list-style-type: none"> <li>ESRI</li> <li>MapINFO</li> </ul>	Tiada Maklumat
Rangkaian & Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>MBSA</li> </ul>	Tiada Maklumat
Kesediaan Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guna Tanah Semasa</li> <li>Guna Tanah Komited</li> <li>Guna Tanah Zoning</li> <li>Charting</li> </ul>	Tiada Maklumat
Kaedah Perkongsian Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>Primary survey</li> <li>Pertukaran data manual</li> </ul>	Tiada Maklumat
Kemahiran & Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> <li>3 GIS</li> <li>8 wakil Kawasan</li> <li>1 IT</li> </ul>	Tiada Maklumat
Isu & Cabaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkongsian pintar</li> <li>GEOSMART / SISMAPS</li> </ul>	Tiada Maklumat

Sumber: Kajian Pembangunan MUO, 2019

ASPIRASI SMART SELANGOR



Meningkatkan Kualiti Kehidupan



Memastikan Pemuliharaan Persekitaran



Meningkatkan Pembangunan Ekonomi



Mewujudkan Pekerjaan Berkualiti



Memperkasakan Kedudukan Fiskal Negeri

SMART SELANGOR DOMAIN



Smart Governance



Smart Healthcare & Wellbeing



Smart Food & Agro



Smart Digital Infrastructure



Smart Education



Smart Safety & Security



Smart Transport & Mobility



Smart Water Management



Smart Buildings



Smart Waste Management



Smart Energy & Utility



Smart Disaster Management

10 inisiatif pilot mensasarkan pelbagai domain yang telah dikenal pasti sebagai “quick win” akan dilaksanakan pada fasa pertama Smart Selangor.

USERS



Citizens



Industries & Corporations



Government, GLCs & State Agencies

SMART APPS / USE CASES

Non-exhaustive list



Analytics Dashboard



Transport Info



PCP Platform



Waste Services Apps



Waze CCP



EIP & Creative Centre



River Cleaning

SMART APPLICATION DEVELOPMENT PLATFORM



Big Data & Analytics Platform



Mobile App Platform



API Manager & Enterprise Service Bus

INFRASTRUCTURE & PLATFORMS



Sensors



IoT Mesh



Data Centre



Integrated Network



Integrated Operations Centre (Command & Control Centre)

Internet of Things (IoT) Platform

Integrated Data Centre & Network Operations Centre

API: Application Programming Interface  
CCP: Connected Citizens Program

EIP: Early Intervention Program  
PCP: Public-Citizen-Partnership Program

C. Johor Bahru, Johor

i. Maklumat Bandar

Bandaraya Johor Bahru adalah ibu negeri bagi Negeri Johor dan ia merupakan pintu masuk utama ke negara ini dari arah selatan Semenanjung Malaysia. Kedudukannya telah menarik pelancong untuk mengunjungi Malaysia dari selatan. Ia berfungsi sebagai pusat pentadbiran, perdagangan dan kebudayaan bagi Negeri Johor pada tahun 1858. Dari sudut sistem pangkalan data seperti GeoJohor dan Iskandar Malaysia *Urban Observatory* (IMUO) yang kukuh telah menguatkan lagi pemilihan bandar Johor sebagai salah satu kawasan kajian dalam kajian pembangunan MUO.

**KELUASAN**  
16,954.10 hektar

**FUNGSI**  
Ibu Negeri bagi Negeri Johor

**HIERARKI BANDAR**

Bandar Wilayah	Konurbasi Selatan
Dasar Perbandaran Negara Kedua	Rancangan Fizikal Negara Ke- 3

**JOHOR BAHRU**

Rancangan Pemajuan: Rancangan Tempatan Johor Bahru & Kulai 2025	
<b>Visi</b>	Johor Bahru Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya dan Lestari
<b>Isu Utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kadar jenayah yang meningkat</li> <li>ii. Kurang perumahan yang mampu milik di kawasan bandar</li> <li>iii. Harga keperluan harian yang semakin meningkat</li> <li>iv. Kurang peluang pekerjaan</li> <li>v. Kurang penyertaan penduduk tempatan dalam pembangunan</li> <li>vi. Keadaan fizikal jalan raya dan lebuhraya yang kurang baik</li> </ul>

ii. Sistem

Maklumat Asas Kesediaan Pengguna

Agensi	MBJB	PLANMalaysia Johor	IRDA
Sistem Semasa	-	• GEOJOHOR	• IMUO
Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melengkapkan penyediaan pngkalan data GIS</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan maklumat-maklumat perancangan negeri</li> <li>Menjadi inisiatif GIS Negeri di bawah SUK</li> <li>Rujukan maklumat geospasial negeri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesediaan data untuk membuat keputusan</li> <li>IRDA Sustainability dan Inovasi</li> <li>Mengawal isu-isu perbandaran Wilayah Iskandar</li> </ul>
Perkakasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Personal computer</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Personal komputer</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Personal komputer</li> <li>Cloud server</li> </ul>
Perisian	<ul style="list-style-type: none"> <li>MapINFO</li> <li>2 lesen</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Qgis</li> <li>GeoServer</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>ESri</li> <li>Power BI, Microsoft</li> </ul>
Rangkaian & Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Internal network</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>JohorNet</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cloud security</li> </ul>
Kesediaan Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guna Tanah Fizikal Sungai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guna Tanah Fizikal Sungai</li> <li>Kemudahan Awam</li> <li>Pengangkutan</li> <li>Kesihatan</li> <li>Pendidikan</li> <li>Charting</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guna Tanah Fizikal Sungai</li> <li>Tabular Pengangkutan</li> <li>Maklumat Tabular DOM</li> </ul>
Kaedah Perkongsian Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertukaran data manual</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Primary survey</li> <li>Pertukaran data manual</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Primary survey</li> <li>Pertukaran data manual</li> </ul>
Kemahiran & Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> <li>2 GIS</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>3 GIS</li> <li>1 IT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>4 IT &amp; 1 GIS</li> </ul>
Isu & Cabaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyediaan data komprehensif</li> <li>Data strata – penangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Analisis tools</li> <li>Editing online</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cyber security</li> <li>Perkongsian pintar</li> <li>Big data analytical</li> <li>Capaian pantas</li> <li>SLA</li> <li>MOU &amp; MOA</li> </ul>

Sumber: Kajian Pembangunan MUO, 2019

D. Ipoh, Perak

i. Maklumat Bandar

Bandaraya Ipoh terletak di Lembah Kinta merupakan dimensi baharu dalam pembangunan semenjak pembinaan Lebuhraya Utara Selatan. Seterusnya keupayaan daripada sistem pangkalan data dari PerakGIS yang dikendalikan oleh PLANMalaysia yang kukuh telah menguatkan lagi pemilihan bandar Ipoh sebagai salah satu kawasan kajian dalam kajian pembangunan MUO.



IPOH

Nota: ZPP – Zon Promosi Pembangunan

Rancangan Pemajuan: Rancangan Tempatan Ipoh 2020 (Pembaharuan)	
<b>Visi</b>	Ipoh Bandar Raya Yang Maju dan Sejahtera
<b>Objektif</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merancang dan mengawal pembangunan bandar raya Ipoh ke arah penggunaan tanah yang lebih optimum dan memelihara sumber-sumber alam semulajadi dan warisan</li> <li>ii. Menjana dan memperkukuhkan asas ekonomi</li> <li>iii. Mewujudkan sebuah komuniti yang sejahtera</li> <li>iv. Merancang dan memperbaiki sistem pengurusan lalu lintas</li> </ul>
<b>Isu Utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Percanggahan aktiviti guna tanah</li> <li>ii. Pemeliharaan kawasan bukit batu kapur</li> <li>iii. Penurunan jumlah penduduk pusat bandar raya</li> <li>iv. Imej Ipoh yang lemah dan tema pelancongan yang kurang menonjol</li> <li>v. Aktiviti pekan lama Ipoh yang lembap dan kurang aktif terutamanya pada waktu malam</li> <li>vi. Kadar kekosongan premis perniagaan yang tinggi</li> <li>vii. Premis/lot perusahaan yang masih kosong</li> <li>viii. Tekanan pembangunan</li> <li>ix. Persaingan antara wilayah</li> <li>x. Lebihan penawaran perumahan</li> <li>xi. Kekurangan penyediaan kemudahan masyarakat</li> </ul>

ii. Sistem

Maklumat Asas Kesediaan Pengguna

Agensi	MBI	PLANMalaysia Perak
Sistem Semasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• SiMAP</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PerakGIS</li> <li>• Peta Interaktif</li> <li>• E Desa</li> <li>• e- Orang Asli</li> <li>• e- Sekolah</li> <li>• StoryMap</li> </ul>
Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem Maklumat Perancangan atau ringkasannya adalah SiMAP, merupakan sebuah aplikasi GIS yang dibuat pengubahsuaian semula menerusi <i>customization</i>.</li> <li>• <i>Customization</i> SiMAP boleh dilakukan menerusi dua cara iaitu kaedah aplikasi SiMAP Web atau SiMAP <i>Stand Alone</i>.</li> <li>• Kedua-dua kaedah mempunyai objektif yang sama iaitu untuk memaparkan lapisan-lapisan GIS, membuat carian maklumat GIS, mencapai laporan dan pelan rancangan tempatan, pelan kadaster, pelan perumahan, pelan jalan dan lain-lain.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pangkalan data di peringkat Negeri</li> <li>• Membangun, mengurus dan menyelaraskan data dari jabatan-jabatan kerajaan serta menjalankan tugas-tugas di lapangan</li> <li>• Penyelenggaraan dan peningkatan aplikasi 'Open Source' dalam sistem GIS</li> <li>• Memantau dan membantu jabatan-jabatan kerajaan dalam merancang projek pembangunan negeri menggunakan teknologi GIS</li> <li>• Menyelaraskan khidmat nasihat dan rujukan GIS kepada kakitangan jabatan-jabatan kerajaan</li> </ul>
Perkakasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Personel computer</i></li> <li>• <i>Server</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Personel computer</i></li> <li>• <i>Server</i></li> </ul>
Perisian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Open Source</i></li> <li>• <i>MapGuide</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ESRI</li> <li>• QGis</li> </ul>
Rangkaian & Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MBI</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• SUK</li> </ul>
Kesediaan Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guna Tanah</li> <li>• Taska, tadika, pusat jagaan</li> <li>• Pelaburan</li> <li>• Pelancongan</li> <li>• Kemudahan awam</li> <li>• Kawasan rekreasi / kawasan lapang</li> <li>• Perabot jalan</li> <li>• Jejantas</li> <li>• Kolam tadahan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Asas pentadbiran</li> <li>• Perancangan bandar</li> <li>• Rezab tanah</li> <li>• Pengangkutan</li> <li>• Hidrologi</li> <li>• Kemudahan awam</li> <li>• Tanah lapang dan rekreasi</li> <li>• Perdagangan</li> <li>• Perindustrian</li> <li>• Perhutanan</li> <li>• Pertanian</li> <li>• Pelancongan</li> <li>• Geologi</li> <li>• Utiliti</li> </ul>
Kaedah Perkongsian Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Primary survey</i></li> <li>• Pertukaran data manual</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Primary survey</i></li> <li>• Pertukaran data manual</li> </ul>
Kemahiran & Sumber Manusia	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 19 orang</li> <li>• 12 Perancang Bandar</li> <li>• 7 IT</li> </ul>
Isu & Cabaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkongsian pintar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkongsian pintar</li> </ul>

Sumber: Kajian Pembangunan MUO, 2019

E. George Town, Pulau Pinang

i. Maklumat Bandar

Bandaraya George Town adalah bandar yang paling membangun di bahagian utama Malaysia. Ia mempunyai bangunan rumah kedai dan bangunan sesebuah yang terdiri daripada keunikan senibina yang unik dan merupakan kawasan tarikan pelancong dalam dan luar negara. Seterusnya keupayaan daripada sistem pangkalan data dari PEGIS dan *Pinang Island Map* (PiMAP) yang kukuh telah menguatkan lagi pemilihan bandar George Town sebagai salah satu kawasan kajian dalam kajian pembangunan MUO.

**KELUASAN**  
2,729.25 hektar

**FUNGSI**  
Ibu Negeri bagi Negeri Pulau Pinang

**HIERARKI BANDAR**

Bandar Wilayah Dasar Perbandaran Negara Kedua	Konurbasi Utara Rancangan Fizikal Negara Ke-3
-----------------------------------------------------	-----------------------------------------------------

GEORGE TOWN

Rancangan Pemajuan: Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030	
<b>Visi</b>	Memakmurkan Pulau Pinang sebagai Sebuah Negeri Pintar Harmoni dan Bertaraf Antarabangsa
<b>Objektif</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mewujudkan sistem pengangkutan yang cekap dan dipercayai serta perumahan, kemudahan awam dan infrastruktur yang lengkap</li> <li>ii. Membentuk masyarakat sejahtera, berilmu, berkualiti, berdaya saing dan berbudaya cemerlang</li> <li>iii. Memacu ekonomi negeri dengan keistimewaan tempatan ke arah pengiktirafan antarabangsa</li> <li>iv. Memastikan urus tadbir kerajaan yang baik dan mesra rakyat</li> <li>v. Merancang pembangunan secara mampan bagi mencapai persekitaran yang bersih, hijau, selamat dan sihat.</li> </ul>
<b>Isu Utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem pengangkutan yang kurang baik dan tidak <i>reliable</i></li> <li>ii. Kes jenayah meningkat</li> <li>iii. Masalah sistem perparitan</li> <li>iv. Isu tambahan</li> <li>v. Masalah kesesakan lalu lintas</li> <li>vi. Pembangunan lereng bukit tidak terkawal</li> <li>vii. Pengekalan status tapak warisan dunia</li> <li>viii. Peningkatan jumlah warga asing</li> </ul>

ii. Sistem

Maklumat Asas Kesediaan Pengguna

Agensi	PEGIS
Sistem Semasa	• PEGIS
Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan data</li> <li>• Membangunkan alat automatik untuk pangkalan data ruang dan penyebaran data</li> <li>• Menterjemahkan pelbagai pelan sosial, ekonomi dan infrastruktur ke dalam pelan tindakan SUK Negeri Pulau Pinang</li> </ul>
Perkakasan	• SUK
Perisian	<i>Tiada Maklumat</i>
Rangkaian & Keselamatan	<i>Tiada Maklumat</i>
Kesediaan Data	<i>Tiada Maklumat</i>
Kaedah Perkongsian Data	<i>Tiada Maklumat</i>
Kemahiran & Sumber Manusia	<i>Tiada Maklumat</i>
Isu & Cabaran	• Perkongsian pintar

Kaji selidik telah dijalankan di lima (5) bandar utama yang dipilih sebagai kajian kes. Sasaran responden adalah penduduk yang tinggal atau bekerja di kawasan bandar berkenaan. Tujuan kaji selidik ini dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Memastikan tahap kepentingan visi dan matlamat sesebuah bandar;
- ii. Mengenalpasti dan mengesahkan isu-isu setiap bandar yang kritikal dan perlu diberi perhatian;
- iii. Mengenalpasti isu-isu yang kritikal secara umum berdasarkan Dasar Perbandaran Negara Kedua; dan
- iv. Membentuk data set yang sesuai dengan isu-isu bandar yang dipilih untuk penyediaan prototaip.

Hasil kaji selidik adalah seperti di **Lampiran 1**.

Bagi sistem pula, Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dalam kajian kes ini masih mempraktikkan proses melengkapkan penyediaan pangkalan data di peringkat pengumpulan data dan hanya melibatkan aktiviti perkongsian data di antara jabatan sahaja.

Kekangan peruntukan yang terhad serta keupayaan dan kemahiran yang masih kurang dilihat antara salah satu faktor aktiviti penyediaan pangkalan data berpusat memakan masa yang panjang. Sistem iPlan dan MURNInets berfungsi mengumpulkan maklumat dan parameter yang disediakan pihak berkuasa tempatan seperti maklumat gunatanah serta urustadbir perancangan bandar mampan. Maklumat ini dikemaskini dari semasa ke semasa oleh pihak berkuasa tempatan.

Proses pengintegrasian dan perkongsian maklumat antara pangkalan data sistem sedia ada merupakan satu cabaran yang besar. Ia perlu dilaksanakan dengan teliti dan berhati-hati. Penyediaan dokumen-dokumen persafahaman antara agensi terlibat perlu dilaksanakan bagi memastikan perkongsian yang dilaksanakan menepati kehendak agensi dan penyediaan sistem MUO.

Penyeragaman format data, penyediaan infrastruktur dan utiliti, peningkatan keupayaan keselamatan sistem dan jaringan serta pembentukan organisasi pemandu dan teknikal menjadi elemen utama yang perlu diberi penekanan.

### 4.4.1 Definisi Persempadanan Dalam Garis Panduan Sempadan Bandar

Garis Panduan (GP) Perancangan Sempadan Bandar telah disediakan oleh PLANMalaysia untuk bandar-bandar yang telah dikenalpasti dalam dokumen Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2). Penentuan sempadan bandar dapat membantu pentakrifan kawasan bandar secara spatial, untuk tujuan perancangan dan pengurusan bandar yang lebih baik.

Antara asas utama sempadan yang dijadikan panduan dalam kajian pembangunan MUO ini adalah merujuk kepada:

- i. Definisi bandar dan konsep had sempadan bandar DPN2;
- ii. Mengambil kira definisi, dasar-dasar pembangunan konurbasi dan bandar dalam RFN Ke-3;
- iii. Merujuk kepada rancangan pemajuan iaitu Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) sedia ada; dan
- iv. Definisi penetapan sempadan sedia ada daripada agensi berkaitan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Jabatan Ukur Pemetaan Malaysia (JUPEM), dan PLANMalaysia.

Persempadanan bagi lima (5) bandar yang dipilih dalam kajian ini adalah untuk tujuan prototaip yang berdasarkan sempadan PBT sebagai asas. Namun, kajian ini mencadangkan sempadan bandar diseragamkan mengikut output/cadangan Kajian Penentuan Sempadan Bandar (PSB) yang sedang dijalankan, dan menjadi asas di dalam pembentukan sempadan *Malaysia Urban Observatory* (MUO).

#### 4.5 Komponen Utama Kajian Pembangunan MUO


Kajian Pembangunan MUO mengandungi tiga (3) komponen utama iaitu Kandungan MUO, Sistem MUO dan Urus Tadbir MUO. Ketiga-tiga komponen ini akan menjadi kerangka kepada pembentukan MUO.

Kandungan MUO merupakan perincian kepada rekabentuk yang akan menekankan kepada pelaporan dan pemantauan, data galeri yang berfungsi sebagai pangkalan data maklumat bandar MUO, analisis untuk kegunaan penyelidikan dan pembangunan, serta menjadi platform untuk menilai isu-isu perbandaran yang menjadi output utama di dalam menyokong membuat keputusan.

Manakala sistem MUO yang akan dibangunkan akan menjadi satu pangkalan data yang lengkap serta disokong dengan infrastruktur dan aplikasi yang boleh diintegrasikan dengan pangkalan data sistem sedia ada.

Tadbir urus MUO pula merupakan langkah dan proses dalam menguruskan dan melaksanakan MUO. Proses pelaksanaan ditunjukkan dalam bentuk road map yang akan menjadi panduan dalam pelaksanaan MUO dan ini perlu dilaksanakan oleh organisasi yang akan dicadangkan.

**Rajah 4.3:** Komponen Utama Kajian Pembangunan MUO



### 4.6 Kerangka Kandungan MUO

Secara keseluruhan, MUO akan mengandungi:

- i. Maklumat Bandar;
- ii. Pelaporan Bandar Mampan; dan
- iii. Pengurusan Bandar: Sokongan Membuat Keputusan serta Penyelidikan dan Pembangunan.

Bagi tujuan maklumat bandar, Kandungan MUO akan mengandungi elemen paparan dalam bentuk *dashboard* dan *visualization, story maps* serta pelan interaktif. Isi kandungan untuk fungsi ini akan diselaraskan dengan keperluan maklumat bandar di peringkat UN-UO dan tempatan. Kandungan maklumat akan merangkumi aspek-aspek fizikal seperti guna tanah dan petempatan bandar; alam sekitar, sosial, ekonomi, kemudahan masyarakat, pengangkutan dan lalulintas, infrastruktur dan utiliti serta rekabentuk bandar.

Kandungan MUO akan disokong oleh elemen pengurusan sistem dan platform perkongsian maklumat, yang merangkumi perkara-perkara seperti integrasi data, pangkalan data, capaian, paparan dan analisis.

Bagi tujuan pelaporan perbandaran mampan, kerangka kandungan MUO akan memberi fokus kepada pelaporan di peringkat antarabangsa dan tempatan. Data-data bagi fungsi ini akan memenuhi keperluan pemantauan indikator-indikator yang telah dikenalpasti oleh dokumen-dokumen pembangunan mampan seperti SDG dan NUA; serta RFN Ke-3 dan DPN2.

Bagi fungsi pemantauan dan pelaporan perbandaran mampan, elemen paparan status indikator, pematuhan (*compliance*) indikator dan pelaporan status kemampuan adalah merupakan komponen utama kandungan MUO. Komponen ini boleh menjadi asas pemantauan, perbandingan dan pengukuran kemampuan bagi bandar-bandar di Malaysia.

Pengurusan bandar merangkumi fungsi-fungsi sokongan membuat keputusan dan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Kerangka kandungan bagi fungsi pengurusan bandar mengandungi komponen-komponen penyelesaian masalah perbandaran dari aspek fizikal, alam sekitar, sosial, ekonomi dan urus tadbir bandar.

Kandungan MUO akan mengandungi elemen pengenalpastian sektor dan fokus utama penyelidikan, pembentukan penyataan masalah (*hipotesis/research question*), analisis dan *modelling*. Kandungan untuk fungsi ini juga akan mengandungi elemen pelaporan hasil analisis dan sokongan membuat keputusan.

Agenda Pembangunan Mampan Nasional dan Antarabangsa

# A4

Rajah 4.4 (a): Kerangka Keseluruhan Kandungan MUO

Rajah 4.4(b): Perincian Kandungan MUO

**A3**

### 4.7 Rekabentuk MUO

Rekabentuk MUO menerangkan mengenai keperluan dan perkara-perkara yang diambil kira dalam pembentukan kandungan MUO. Rekabentuk MUO telah mengambil kira perkara-perkara berikut:

#### A. Keperluan dan objektif UO

- i. Matlamat dan objektif penubuhan UO diperingkat Antarabangsa: *Global Urban Observatory (GUO)* oleh *UN-Habitat*.
- ii. Matlamat dan objektif pembangunan UO di peringkat Negara (MUO) seperti yang digariskan dalam RFN Ke-3.
- iii. Sistem-sistem UO yang telah dibangunkan di bandar-bandar dan negara-negara lain di dunia seperti: Jepun, Riyadh, Newcastle dan termasuk pengalaman sistem UO yang dibangunkan di Iskandar Malaysia (IMUO).
- iv. Matlamat bersama (*common goals*) yang dibincangkan dalam sesi Perbincangan Kumpulan Sasar (FGD) yang telah dijalankan dalam kajian ini.

#### B. Fungsi MUO sebagai pusat data, pusat pemantauan dan penilaian, perkhidmatan teknikal, hub analisis dan hub pengetahuan.

#### C. Indikator Bandar Mampan

Bagi memenuhi keperluan dan objektif pembangunan mampan di peringkat global dan nasional, MUO memerlukan fungsi sebagai pemantauan indikator pembangunan mampan yang telah dikenalpasti. Dokumen-dokumen pembangunan bandar mampan di peringkat global seperti SDG dan NUA dan dokumen-dokumen di peringkat nasional seperti RFN Ke-3 dan DPN2, telah menyenaraikan indikator-indikator yang perlu dipantau ke arah pembangunan mampan sesuatu bandar. MUO akan memainkan peranan sebagai platform pemantauan dan pelaporan indikator pembangunan mampan di peringkat global dan nasional. Indikator pemantauan bandar mampan terdiri daripada :-

- i. Indikator pembangunan mampan antarabangsa seperti SDG dan NUA.
- ii. Indikator pembangunan mampan dari Rancangan Pemajuan Nasional seperti RFN Ke-3 dan DPN2.
- iii. Indikator pembangunan mampan tempatan seperti MURNINets.

Pemantauan dan pelaporan status indikator-indikator ini di sesuatu bandar dapat mengukur tahap kemampanan sesuatu bandar.

### D. Data Bandar UO Sedia ada

Terdapat banyak sistem-sistem UO yang telah dibangunkan di luar negara. Kajian ini mengambil kira data-data yang digunakan oleh UO lain yang digunakan secara global dan di Malaysia seperti:

- i. *UN Urban Data (UN Habitat)*
- ii. *The Urban Observatory (urbanobservatory.org)*
- iii. *Iskandar Malaysia Urban Observatory (IMUO)*

Sebagai platform perkongsian data dan maklumat perbandaran, MUO harus berfungsi sebagai Data Galeri atau pusat paparan data (*data display centre*). Data-data ini adalah untuk perkongsian umum dan akan menjadi rujukan tepat dan terkini kepada orang awam dan agensi yang berminat. Data yang tepat dan terkini akan membantu dalam hasil analisis dan sokongan keputusan berkaitan pembangunan bandar.


### E. Isu Perbandaran dan Matlamat Pembangunan

Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan telah mengenalpasti matlamat pembangunan sesuatu bandar dan telah memperincikan isu-isu perbandaran yang boleh dijadikan sebagai rujukan set data MUO dalam membantu membuat keputusan yang tepat.

Visi pembangunan dan isu-isu perbandaran yang digariskan dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan bagi lima bandar utama telah dijadikan asas bagi input dalam mengenalpasti dan mengesahkan isu-isu kritikal bagi kelima-lima bandar yang perlu diberi perhatian. Perincian hasil soal selidik adalah seperti di **Lampiran 1**.

Sebagai mekanisme pemantauan perbandaran, MUO akan digunakan untuk mengenalpasti dan mengkaji isu-isu perbandaran yang kritikal berlaku di kawasan bandar bagi merangka strategi dan langkah-langkah untuk meminimumkan dan mengatasi isu-isu tersebut.


Seterusnya, berdasarkan perkara-perkara yang diambilkira ini, dapat dirumuskan keperluan bagi rekabentuk dan pembentukan kandungan MUO adalah berdasarkan elemen berikut:



Disamping itu, MUO juga direkabentuk bagi memenuhi ciri-cirinya sebagai pusat perkongsian dan integrasi data perbandaran di Malaysia.

Elemen-elemen ini akan membentuk empat (4) fungsi tertentu dengan komponen tersendiri (**Rajah 4.5**).

Rajah 4.5: Fungsi dan Komponen bagi Kandungan MUO



Sumber: Kajian Pembangunan MUO, 2019

Rajah 4.6 dan Rajah 4.7 menunjukkan hubungkait setiap fungsi dan kandungan yang diintegrasikan dalam bentuk 'Data Set MUO'. Kandungan bagi setiap fungsi kemudiannya diperincikan dengan penerangan mengenai fungsi, data landskap, prototaip dan rumusan data mengikut agensi.

Kesemua fungsi ini akan membentuk modul di dalam sistem MUO. Pada peringkat awal, terdapat empat (4) modul (rujuk bab 5.4) yang telah dihasilkan berdasarkan kajian MUO ini iaitu modul pelaporan, modul maklumat bandar (*data gallery*), modul sokongan membuat keputusan dan modul penyelidikan dan pembangunan. Walaubagaimanapun, modul ini akan berkembang dan bertambah pada masa hadapan mengikut keperluan semasa.

Salah satu fungsi MUO adalah sebagai pusat untuk mengumpul, mengemaskini, menganalisis, mengurus dan menyebarkan data dan maklumat. Oleh itu, kandungan MUO mestilah mempunyai hubungkait dengan keperluan pangkalan data. Hubungkait ini ditunjukkan di **Rajah 4.6**. Kesemua data di dalam Pangkalan Data MUO ini merupakan Data Set MUO yang akan digunakan di dalam fungsi modul-modul MUO.

**Rajah 4.6:** Hubungkait fungsi kandungan MUO dengan Data Set MUO



Sumber:

i) UNHabitat.org

ii) Kajian Pembangunan MUO, 2019

**Rajah 4.7** pula menunjukkan carta alir hubungkait keempat-empat fungsi yang dicadangkan sehingga ke pembentukan Data Set MUO. Setiap fungsi mempunyai tugas utama dan aspek/bidang keutamaan. Seterusnya di peringkat indikator dan data, integrasi data akan berlaku di mana data-data yang terdapat di dalam pangkalan data dapat diakses untuk kegunaan mana-mana keempat-empat fungsi yang telah ditetapkan.

Rajah 4.7: Perincian Fungsi Kandungan MUO


**A3**

**A. Fungsi 1: Pemantauan dan Pelaporan Perbandaran Mampan**

Modul-modul bagi fungsi ini bertujuan untuk membuat pelaporan mengenai pencapaian kemampuan bandar-bandar di Malaysia. Pelaporan melibatkan dua segmen utama iaitu Pelaporan Agenda Antarabangsa dan Pemantauan Rancangan Pemajuan Nasional.

Di peringkat Pelaporan Agenda Antarabangsa, segmen ini lebih fokus kepada menilai dan melapor tahap kemampuan negara melalui indikator yang senaraikan dalam *Sustainable Development Goals* (SDG) dan *New Urban Agenda* (NUA). Manakala, di peringkat pemantauan Rancangan Pemajuan Nasional, ia lebih fokus kepada menilai dan melapor pencapaian Rancangan Pembangunan Nasional melalui indikator Rancangan Fizikal Negara (RFN) dan Dasar Perbandaran Negara (DPN). Berdasarkan kepada kedua-dua segmen ini, beberapa indikator akan dipilih dan kemudian akan diselaraskan dengan keperluan data. Akhir sekali, data set yang dihasilkan akan menentukan data yang diperlukan daripada agensi-agensi yang terlibat dan menjadi data set kajian MUO.

**Rajah 4.8:** Perincian Fungsi Pemantauan dan Pelaporan Perbandaran Mampan



**I. Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs**

Data set ini melibatkan indikator yang dikenalpasti melalui *Sustainable Development Goals* (SDGs) di mana matlamatnya adalah untuk mengimbangi dimensi pembangunan bersepadu termasuklah menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan. Terdapat tujuh belas (17) matlamat yang dibentuk di dalam SDGs.

*Sustainable Development Goals*



Matlamat yang dikenalpasti di dalam SDG

i. Data Landskap Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

**Jadual 4.1** merupakan data landskap bagi pelaporan agenda antarabangsa daripada Matlamat 11 yang telah dipilih sebagai asas pembentukan MUO di peringkat ini. Senarai penuh data set Matlamat 1 sehingga Matlamat 17 boleh dirujuk di Bahagian Draf Data Landskap, **Jadual 1**.

## Data Landskap Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

A4

**Jadual 4.1:** Data Set Pelaporan Antarabangsa-Sustainable Development Goals 11 (SDG 11)

## Data Landskap Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

**A4**

## Data Landskap Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

A4

## Data Landskap Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

**A4**

## Data Landskap Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

A4

## Data Landskap Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

**A4**

## Data Landskap Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

A4

## Data Landskap Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

**A4**

ii. Prototaip Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

Daripada tujuh belas (17) matlamat yang dibentuk, **Matlamat 11: Sustainable Cities and Communities** merupakan matlamat yang dipilih sebagai prototaip bagi Kajian Pembangunan MUO ini disebabkan perkaitan matlamat ini dengan perancangan dan pembangunan bandar. Di dalam Matlamat 11 ini, sebanyak empat belas (14) indikator yang telah dikenalpasti yang akan digunakan sebagai alat bagi mengukur tahap kemampunan bandar di Malaysia. (sila rujuk Bab 6 : Prototaip MUO)



iii. Kesediaan Data bagi Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

Jadual 4.2 menunjukkan rumusan data landskap bagi pelaporan agenda antarabangsa daripada matlamat 11 yang telah dipilih sebagai asas pembentukan MUO di peringkat awal ini. Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebelas (11) agensi telah dikenalpasti untuk berkongsi data dan maklumat. Senarai penuh data set matlamat 1 sehingga matlamat 17 boleh dirujuk di Bahagian Draf Data Landskap, Jadual 1.

Jadual 4.2: Rumusan Data Landskap Pelaporan Agenda Antarabangsa SDGs

Bil	Agensi	Data
1	Kementerian Pengangkutan Malaysia	1. Lokasi sistem pengangkutan awam
2	Jabatan Perangkaan Malaysia	1. Bilangan populasi penduduk mengikut kawasan setinggan setiap bandar 2. Bilangan isi rumah mengikut kawasan setinggan setiap bandar 3. Kadar pertumbuhan penduduk 4. Jumlah penduduk di setiap bandar 5. Bilangan penduduk dalam tadahan sistem pengangkutan awam mengikut jantina, umur dan keupayaan/ kecacatan
3	Jabatan Perumahan Negara	1. Bilangan kawasan setinggan mengikut bandar
4	Bahagian Perancang Ekonomi (BPEN)	1. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)
5	PLANMalaysia	1. Keluasan kawasan lapang awam mengikut bandar 2. Keluasan kawasan tepubina mengikut bandar 3. Nisbah kadar penggunaan tanah kepada kadar pertumbuhan penduduk 4. Bilangan / Kadar (%) penduduk dalam kawasan yang mempunyai rancangan pembangunan (RT)
6	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	1. Jumlah (kg) penjaan sisa pepejal (keseluruhan) mengikut bandar 2. Jumlah (kg) kutipan sisa pepejal mengikut bandar

bersambung

Bil	Agensi	Data
7	Jabatan Alam Sekitar	1. Kadar/tahap purata tahunan zarah halus (PM2.5) mengikut bandar
8	Jabatan Warisan Negara	1. Jumlah perbelanjaan per kapita yang dibelanjakan untuk pemuliharaan, perlindungan dan pemuliharaan semua warisan kebudayaan dan asli
9	Polis Diraja Malaysia	1. Bilangan mangsa gangguan fizikal 2. Bilangan mangsa gangguan seksual mengikut jantina dan umur mengikut bandar
10	Pihak Berkuasa Tempatan	1. Bilangan penyertaan/bantahan seranta
11	Agensi Pengurusan Bencana Negara	1. Jumlah kerugian langsung (RM) 2. Jumlah kerugian (RM) akibat kerosakan infrastruktur kritikal dan akibat gangguan perkhidmatan awam 3. Bilangan kematian, orang hilang dan orang yang terjejas oleh bencana 4. Bilangan bandar yang melaksanakan strategi <i>Disaster Risk Reduction (DRR)</i>

Sumber: Kajian Pembangunan Malaysian Urban Observatory (MUO), 2018

Sehubungan itu, **Jadual 4.3** menunjukkan tahap ketersediaan data bagi perkongsian maklumat oleh agensi-agensi di peringkat ini. Tahap ketersediaan data bagi pelaporan ini adalah 35.71 peratus tahap tersedia, 28.57 peratus separa tersedia data dan 35.71 peratus tersedia dengan pengolahan.

**Jadual 4.3:** Tahap Ketersediaan Data Pelaporan Agenda Antarabangsa


Tahap Ketersediaan Data	Bilangan Indikator	Peratus
Tersedia	5	35.71
Separu Tersedia	4	28.57
Tersedia Dengan Pengolahan Data	5	35.71

Nota: Tahap kesediaan data ini adalah berdasarkan kajian awalan dan akan berubah mengikut tren pembangunan dan keperluan masa hadapan.

Sumber: Kajian Pembangunan Malaysian Urban Observatory (MUO), 2019

II. Pemantauan Rancangan Pemajuan Nasional

Pemantauan rancangan pemajuan nasional boleh dilakukan melalui tiga peringkat termasuk *Malaysia Urban Observatory (MUO)*, *State Urban Observatory (SUO)* dan *Local Urban Observatory (LUO)*. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya melibatkan pemantauan di peringkat MUO.



i. Data Landskap Pemantauan Rancangan Nasional RFN Ke-3

Di peringkat ini, data set MUO diselaraskan berpandukan indikator yang dikenalpasti di dalam Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) dan Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2). Data-data yang diperlukan oleh indikator tersebut dijadikan sebagai data set MUO. Keperluan data merangkumi aspek sosial, ekonomi dan spatial menjadi faktor utama dalam pemantauan ini. Bagi pemantauan RFN Ke-3, terdapat tiga (3) teras yang disenaraikan iaitu:

1. Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar.
2. Kemampuan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim.
3. Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni.

Pada peringkat ini, cadangan penekanan data landskap di peringkat awal adalah merujuk kepada **halatuju strategik 1.1 dan halatuju strategik 1.3** daripada **Teras 1 Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar** (rujuk **Jadual 4.4**). Halatuju strategik 1.1 ini bertujuan untuk memastikan keseimbangan pertumbuhan ekonomi serta merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar manakala halatuju strategik 1.3 berperanan sebagai pemboleh (*enabler*) yang utama bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan kukuh pada masa hadapan.

Rajah 4.9: Teras Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3)



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2016

## Data Landskap Pemantauan Rancangan Pemajuan

**A4**

## Data Landskap Pemantauan Rancangan Pemajuan

A4

## Data Landskap Pemantauan Rancangan Pemajuan

**A4**

## Data Landskap Pemantauan Rancangan Pemajuan

A4

## Data Landskap Pemantauan Rancangan Pemajuan

A4

## Data Landskap Pemantauan Rancangan Pemajuan

A4


ii. **Data Landskap Pemantauan Rancangan Pemajuan Nasional DPN2**

Seterusnya, di dalam Dasar Perbandaran Negara Kedua, terdapat lima (5) prinsip yang disenaraikan, iaitu:

1. Tadbir Urus Bandar Yang Baik
2. Bandar Yang Berdaya Huni
3. Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing
4. Pembangunan Bandar yang Inklusif dan Saksama
5. Pembangunan hijau dan Persekitaran Bersih

Cadangan penekanan data landskap di peringkat ini ialah kepada **Prinsip 4 Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama** (rujuk lampiran **Jadual 4.5**) sebagai data set MUO. Prinsip ini memberi penekanan terhadap keterlibatan setiap lapisan masyarakat untuk mendapatkan peluang yang sama dalam usaha membangunkan ekonomi, fizikal dan sosial terutama dalam kawasan bandar.

**Rajah 4.9:** Prinsip Dasar Perbandaran Negara Kedua



Prinsip 4  
**Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama**

- Tumpuan Program Yang Khusus Untuk Kebajikan Isi Rumah B40
- Peningkatan Pendapatan Isi Rumah B40
- Penglibatan Bumiputera Dalam Pembangunan Ekonomi
- Peningkatan Keupayaan Golongan Belia Untuk Menyumbang dan Menerima Faedah Pembangunan Bandar
- Penyediaan Keperluan Golongan Warga Emas Dan OKU Dalam Pembangunan Bandar Yang Pelbagai

*Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua, 2016*

## Data Landskap Pemantauan Rancangan Pemajuan

A4

## Data Landskap Pemantauan Rancangan Pemajuan

A4

## Data Landskap Pemantauan Rancangan Pemajuan

A4

iii. Prototaip Pemantauan Rancangan Pemajuan Nasional

Halatuju Strategik 1.1 dan Halatuju Strategik 1.3 daripada Teras 1 Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar di dalam RFN Ke-3 dipilih sebagai prototaip bagi Kajian Pembangunan MUO. Halatuju strategik 1.1 ini bertujuan untuk memastikan keseimbangan pertumbuhan ekonomi serta merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar manakala halatuju strategik 1.3 berperanan sebagai pemboleh (*enabler*) yang utama bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan kukuh pada masa hadapan.

Bagi DPN2 pula, Prinsip 4 Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama dipilih sebagai prototaip bagi Kajian Pembangunan MUO kerana prinsip ini memberi penekanan terhadap keterlibatan setiap lapisan masyarakat untuk mendapatkan peluang yang sama dalam usaha membangunkan ekonomi, fizikal dan sosial terutama dalam kawasan bandar.

(sila rujuk Bab 6 : Prototaip MUO)

iv. Kesediaan Data bagi Rancangan Pemajuan Nasional

